

04/07/2002

Pak Lah sudah sedia ambil alih tugas: PM

Kadir Dikoh; Misiah Taib; Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Nurul Hazren
SUBANG, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamakan Datuk Seri
Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti kerana timbalannya itu dipilih
oleh Umno sebagai pemimpin kedua parti.

"Saya telah bekerjasama dengan Datuk Abdullah sekian lama dan ada satu
masa saya tanya kepada Datuk Abdullah, lama dah juga, sama ada dia sudah
bersedia untuk mengambil alih. Beliau menyatakan kesediaannya untuk
mengambil alih," kata Perdana Menteri.

Beliau ditanya mengenai kriteria utama apabila menamakan Abdullah
sebagai pengganti, berikutan keputusannya hendak meletakkan jawatan dalam
parti dan kerajaan menjelang Oktober tahun depan.

Memberitahu sidang akhbar sekembalinya daripada bercuti di sini hari
ini, Dr Mahathir berkata, jika diberi peluang menghabiskan ucapan
penggulangannya pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno 22 Jun lalu,
memang beliau akan menamakan Abdullah sebagai pengganti.

"Memang tradisi dalam Umno, timbalan menggantikan presiden dalam parti
dan apabila menggantikan presiden, timbalan juga sebagai ketua parti yang
majoriti akan dilantik sebagai Perdana Menteri.

"Saya sendiri sokong pelantikan Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana
Menteri dan pemangku presiden parti. Perdana Menteri terus (dilantik)
tetapi dalam parti sebagai pemangku kerana ia mengikut pemilihan.

"Jadi saya berharap, saya dapat tinggalkan parti secara licin, tiada
masalah dan saya bagi pengakuan saya akan turut bekerjasama dalam parti,"
katanya.

Ditanya pendapat sesetengah pihak mengenai tempoh peralihan kuasa selama
16 bulan sebagai terlalu lama dan dikhuatiri akan 'wujud' dua Perdana
Menteri pada satu masa, Dr Mahathir berkata:

"Saya ingat itu tak jadi masalah. Yang jadi sampai 16 bulan itu kerana
mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Saya telah memberi pengakuan
kepada ramai juga pemimpin OIC sebab saya akan menyambut mereka ke
mesyuarat itu. Jadi tak eloklah kalau saya tak tunaikan janji saya.

"Apabila saya dapati ramai yang tidak bersetuju dengan hasrat saya (nak
letak jawatan) dan nak saya teruskan, saya minta pada mulanya untuk
(lanjutan) sebulan, tapi itu tidak diterima.

"Jadi pada keesokan hari (23 Jun) apabila ketua-ketua parti datang ke
rumah (Seri Perdana, Putrajaya), pada masa itu saya fikir sebagai satu
tanggungjawab saya nak teruskan jadi Pengerusi Pertubuhan Negara
Berkecuali (NAM) dan Pengerusi OIC, saya teruskan sehingga 16 bulan,
sehingga tamat mesyuarat OIC," katanya.

Cadangan Dr Mahathir menamakan Abdullah sebagai penggantinya dan
keputusan mahu bersara selepas Oktober 2003, diumumkan oleh Khalil selepas
mesyuarat Khas Majlis Tertinggi (MT) Umno, Selasa lalu.

Keputusan itu kemudian diperakukan oleh mesyuarat Dewan Tertinggi
Barisan Nasional (BN) pada hari yang sama, dan keesokan harinya pula
diperjelaskan pada mesyuarat Kabinet.

Pemimpin parti komponen dan seluruh rakyat menghormati hasrat Dr
Mahathir untuk mengundur diri dan pada masa yang sama, menyokong
cadangannya menamakan Abdullah sebagai pengganti.